

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan program-program “*Business Online*” perniagaan atas talian di bawah seliaan Kerajaan dan bentuk bantuan dan kursus yang disediakan kepada rakyat Malaysia dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat khususnya kepada golongan Bumiputera dan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

MED melalui SME Corp. Malaysia melaksanakan pelbagai program untuk membantu usahawan dan syarikat PKS daripada peringkat permulaan perniagaan sehinggalah ke pasaran eksport termasuklah dalam meningkatkan aktiviti e-dagang. Bantuan diberikan secara bersepadu dan meliputi khidmat nasihat dan bantuan kewangan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman mudah.

Ini termasuk kerjasama strategik bersama-sama agensi, persatuan dan rakan strategik e-Dagang melalui aspek pembangunan dan latihan dalam bidang e-Dagang. Bagi tahun 2018 sejumlah 56,182 PKS telah dilatih dalam bidang e-Dagang.

SOALAN NO : 22

Program Tunas Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp., merupakan satu program penggalakan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan melalui latihan. Program ini juga meliputi latihan berkaitan e-Dagang melalui kerjasama dengan MDEC bertujuan memberi peluang kepada belia Bumiputera untuk menjalankan perniagaan secara atas talian. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2018, ia telah melibatkan penyertaan seramai 4,422 orang belia Bumiputera dengan 4,381 (99%) daripada mereka telah mendaftarkan perniagaan dan memulakan operasi perniagaan. Sehingga kini, melalui perniagaan yang dijalankan, mereka telah berjaya mencatatkan jualan terkumpul berjumlah RM99.28 juta dan mewujudkan 7,852 jumlah pekerjaan.

SME Corp. Malaysia turut menganjurkan Program *Women Netpreneur* yang bertujuan untuk membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara atas talian. Program *Women Netpreneur 2018/2019: eCommerce adoption* merupakan satu siri taklimat dan bengkel yang diadakan dengan kerjasama persatuan wanita iaitu *Gorgeous Geek*. Menerusi program tersebut, pelbagai penyedia platform dalam talian (*online platform provider*) seperti Lazada, Shopee, TM dan Easy Parcel berkongsi maklumat terkini tentang cara-cara menjalankan perniagaan dalam talian. Peserta tidak dikenakan sebarang bayaran untuk menghadiri program ini.

Sejumlah 7 sesi program *Women Netpreneur* telah dijalankan pada tahun 2018 dan 2019 di beberapa lokasi terpilih di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sehingga September 2019, program ini telah memberi manfaat kepada 723 orang usahawan wanita. Sejumlah 2 sesi program lagi akan dijalankan pada bulan Oktober dan November 2019 di Kuala Lumpur dan Kuching.

Kerajaan melalui Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) turut menawarkan program-program latihan teknikal keusahawanan jangka pendek berbentuk *outcome-based*. Antara program latihan teknikal keusahawanan berkaitan perniagaan atas talian adalah seperti berikut:

- a. Pemasaran menggunakan Platform *e-Marketplace* seperti *Shopee*,

Lazada dan MyBazaar

- b. *FB Ads (Pemasaran Media Sosial)*
- c. *Google Ads (Pemasaran Media Sosial)*
- d. *Instagram (Pemasaran Media Sosial)*
- e. *Buat Duit Dari Youtube*
- f. *Menghasilkan Video Pemasaran Menggunakan Smartphone*

Buat masa ini, Program Keusahawanan untuk golongan B40 yang ditawarkan oleh INSKEN adalah melalui program berbentuk bimbingan dan latihan *coaching/mentoring* selama 4 bulan menerusi program :

- a. *INSKEN Business Coaching: Postnatal Care*
- b. *INSKEN Business Coaching: SPA*
- c. *INSKEN Business Coaching: Homestay*
- d. *INSKEN Business Coaching: Tailoring*

Selain daripada itu, pihak INSKEN juga terlibat di dalam Projek Rintis Usahawan Tani Fertigasi (PRINT). Program pembangunan kapasiti keusahawanan ini dapat membantu usahawan-usahawan B40 yang menjalankan perniagaan dalam bidang asas tani di Terengganu. Menerusi program PRINT ini, para usahawan dapat menambahbaik sistem tanaman (fertigasi) secara digital, meningkatkan tahap kemajuan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi, di samping meningkatkan jualan hasil pertanian dan menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

Y.B. TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan telah menetapkan peratus penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan di dalam projek-projek mega seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), *High Speed Rail (HSR)*, MRT 2 dan lain-lain lagi yang telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat gergasi daripada negara China. Memandangkan kesediaan kontraktor-kontraktor tempatan untuk terlibat sama untuk berkecimpung di dalam projek mega ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk terlibat sama di dalam pelaksanaan projek-projek mega Kerajaan antaranya Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan Projek Mass Rapid Transit (MRT) Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) atau dikenali sebagai MRT 2.

Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan penyambungan semula Projek ECRL setelah Perjanjian Tambahan di antara Malaysia Rail Link (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC)

dimeterai pada 12 April 2019. Perjanjian yang ditambah baik ini melibatkan kos projek yang lebih rendah iaitu sebanyak RM44.0 bilion berbanding kos asal projek sebanyak RM65.5 bilion. Di bawah Perjanjian baharu ini, peratusan bagi syarikat pembinaan tempatan untuk menyertai kerja-kerja sivil (tidak termasuk kerja-kerja terowong) bagi projek ECRL turut meningkat kepada 40 peratus berbanding 30 peratus sebelum ini.

Program pendaftaran dan penyerahan dokumen Pra-Kelayakan ECRL telah diadakan pada 29 dan 30 Mei 2019 yang lalu oleh CCCC dalam usaha mengenal pasti sub kontraktor tempatan yang berpotensi untuk mengambil bahagian dalam 40 peratus kerja-kerja sivil (tidak termasuk kerja-kerja terowong) bagi projek ECRL. Jawatankuasa Penilaian Pra-Kelayakan ECRL telah mengenal pasti 234 syarikat atau 70.7 peratus daripada 331 syarikat pembinaan yang telah disenarai pendek merupakan syarikat milik Bumiputera.

Bagi Projek MRT Laluan 2 (SSP), sebanyak 46 daripada 51 pakej kerja telah dianugerahkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Daripada jumlah berkenaan, keseluruhan 44 pakej kerja yang melibatkan kerja-kerja sivil telah dianugerahkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan, manakala 2 pakej kerja berkenaan sistem juga diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Selain itu, satu lagi syarat yang telah dikenakan oleh MRT Corp ke atas syarikat asing yang terlibat dengan Projek MRT Lembah Klang adalah Program Kerjasama Industri (*Industrial Collaboration Programme*) di mana kontraktor-kontraktor asing diwajibkan mewujudkan inisiatif-inisiatif yang akan membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui perkembangan sektor industri pengangkutan rel. Ini adalah sejajar dengan seruan pihak Kerajaan untuk memastikan penglibatan syarikat tempatan dalam projek-projek mega negara agar syarikat-syarikat tempatan mampu untuk melibatkan diri tanpa bergantung kepada syarikat-syarikat asing bagi projek-projek mega negara di masa hadapan.